



■ SALAH satu jet jenis 'Skyhawk' yang digunakan oleh tentera laut Amerika.

22 buah dijangka tiba tahun depan

# Kerajaan tidak bercadang batal beli 'Skyhawk'

Oleh RUHANIE AHMAD

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan Malaysia tidak sekali-kali bercadang membatalkan pembelian jet pejuang dan pengembom jenis 'Skyhawk' dari Amerika Syarikat, di mana tempahan pertamanya 22 buah dijangka tiba ke sini tahun depan.

Demikian ditegaskan oleh jurucakap Kementerian Pertahanan di sini hari ini, ketika diminta mengulas ura-ura kerajaan akan membatalkan pembelian pesawat udara itu dan menggantikannya dengan jenis termoden sekali.

Katanya, adalah mustahil bagi kerajaan membazirkan wang berjuta-juta ringgit untuk membatalkan pembelian Skyhawk sebanyak 88 buah itu.

Pembatalan pembelian ini juga, tambahnya, tidak langsung ditimbulkan di majlis taklimat kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad,

baru-baru ini.

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah pun memesan 88 buah Skyhawk dari sebuah syarikat pembuat kapal terbang di Amerika Syarikat.

Seratus orang pegawai dan anggota TUDM kini berada di Universiti Northrop, California, Amerika Syarikat untuk menjalani latihan mengendalikan pesawat berkenaan.

Pesawat keluaran syarikat McDonnell Douglas itu pada mulanya adalah khusus untuk Tentera Udara Amerika Syarikat. Pembinaan pertamanya bagi jenis XA-4A bermula September 1953 dan penerbangan pertamanya pada 22 Jun 1954.

Bagaimanapun pengeluaran jenis A-4, termasuk siri A-4L yang akan dibeli oleh TUDM berakhir pada 27 Februari 1979.

Siri Skyhawk A-4L dan A-4C

yang akan dibeli oleh TUDM merupakan sebahagian dari pesanan Tentera Udara Amerika Syarikat. Bahagian-bahagian pesawat itu sudah tersedia dan akan dipasang dan dihantar ke Malaysia.

Oleh itu ini tidak bermakna Malaysia membeli jet pejuang dan pengembom terpakai seperti sering diperkatakan oleh setengah golongan.

Bagaimanapun, kebelakangan ini timbul ura-ura di kalangan tertinggi angkatan tentera dan politik Malaysia, kerajaan mungkin membatalkan pembelian Skyhawk kerana beberapa sebab tertentu.

Berita Harian difahamkan, TUDM dan kerajaan Malaysia sedang merancang kemungkinan membeli pesawat lebih moden seperti jenis Vought A-7E Corsair II keluaran Vought Corporation yang mempunyai pertalian perniagaan dengan McDonnell Douglas, juga di Amerika Syarikat.

Menurut sebuah buku berjudul Jane's All The World's Aircraft 1980-1981, Vought Corporation mengeluarkan jet pejuang dan pengembom yang mampu membawa muatan senjata bukan jenis nuklear yang lebih dari jenis Skyhawk A-4E.

Bagaimanapun, jurucakap Kementerian Pertahanan yang diminta mengulas perkara ini, menafikan sekeras-kerasnya tentang ura-ura demikian.

Katanya, pembelian Skyhawk akan diteruskan dan jet pejuang itu dijangka berpangkalan di Kuantan dan beberapa lagi akan ditempatkan di Gong Kedak, Pasir Putih, Kelantan.

Berita Harian juga difahamkan, TUDM mungkin membeli beberapa lagi jenis kapal terbang dari beberapa negara di Eropah termasuk Switzerland dan Perancis.

Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia, Lt-Jen. (U) Datuk Mohamed Taib sendiri dijangka ke kedua negara berkenaan tidak lama lagi untuk membuat tinjauan terperinci.

## Terkenal

Switzerland terkenal dengan Pilatus PC-7 Turbo-Trainer yang boleh digunakan untuk latihan penerbangan asas, peralihan, aerobatic, dan sekiranya dilengkapi dengan peralatan sewajarnya, pesawat itu juga boleh digunakan untuk latihan taktikal.

Beberapa negara termasuk Bolivia, Burma, Chili, Guatemala dan Mexico telah pun menempah pesawat jenis ini untuk tentera udaranya.

Tahun lalu syarikat berkenaan mengeluarkan pesawat jenis itu pada kadar lima sebulan tapi kadar ini ditambah kepada enam buah sebulan tahun ini.

Negara Perancis pula terkenal dengan pesawat jet pejuang dan pengembom jenis Mirage serta helikopter termasuk Alouette yang kini digunakan oleh TUDM.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia